MD AMIN MD YUSOF & SATU LAGI

lwn.

CITYVILLA SDN BHD

MAHKAMAH RAYUAN, KUALA LUMPUR
ARIFIN ZAKARIA HMR
NIK HASHIM HMR
AUGUSTINE PAUL HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-02-9-02]
19 FEBRUARI 2004

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Rekod rayuan - Kelewatan memfail - Sama ada wujud penjelasan munasabah dan mencukupi - Sama ada kecuaian pihak peguam - Sama ada perayu tidak boleh dipersalahkan - Sama ada responden tidak diprejudis - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 34 k. 7 - Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994, k. 93*

Mahkamah Tinggi dalam kes ini telah membatalkan tuntutan balas perayu pada 7 Disember 2001 di bawah A. 34 k. 7 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Tanpa memberitahu perayu tentang pembatalan, peguamcara perayu telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu sekaligus memperoleh perintah penggantungan prosiding bagi guaman berkenaan. Fakta menunjukkan bahawa walaupun rayuan dibuat, tiada rekod rayuan telah difailkan oleh peguamcara perayu.

Perayu mendapat tahu tentang pembatalan tuntutan balasnya pada 24 Julai 2003, namun tidak mengambil apa-apa tindakan kerana empat hari selepas itu peguamcaranya telah menarik diri dari mewakilinya. Pada 28 Ogos 2003, perayu melantik peguamcara baru, dan berikutnya, pada 10 Oktober 2003, peguamcara baru perayu telah memfailkan notis usul di bawah k. 93 Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994 memohon kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan di luar masa. Di hadapan yang arif hakim-hakim rayuan, persoalan yang timbul adalah sama ada permohonan perayu di sini boleh dibenarkan mengambil kira kewujudan kelewatan selama 21 bulan serta hujah responden bahawa permohonan tidak patut diberi pertimbangan berdasarkan keputusan kes *Alloy Automative Sdn Bhd v. Enkei Automative Co. Ltd & Anor.*

Diputuskan:
Oleh Nik Hashim HMR

[1] Walaupun perayu telah lewat 21 bulan tidak memfailkan rekod rayuannya, kelewatan itu tidak berlaku tanpa alasan. Kelewatan sebenarnya telah disebabkan oleh peguamnya yang terdahulu dan bukannya oleh perayu. Dalam keadaan kes, perayu tidak boleh dipersalahkan atas kecuaian peguamnya untuk memfailkan rekod rayuan dalam masa yang dikehendaki. (ms 61 a-d)

[2] Kes *Alloy Automative* harus dibezakan dengan kes sekarang. Ini kerana dalam kes tersebut dua hakim Mahkamah Tinggi telah mendengar tuntutan perayu atas merit sebelum menolak tuntutan itu. Dalam kes sekarang tuntutan balas perayu telah dibatalkan oleh hakim Mahkamah Tinggi di bawah A. 34 k. 7 KMT tanpa perbicaraan atas meritnya. Peruntukan A. 34 k. 7 KMT merupakan suatu peruntukan baru berkuatkuasa *vide* PU(A)342/2000 mulai 22 September 2000, dan oleh itu, ia patut diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh mahkamah ini dalam menimbangkan permohonan semasa. Tambahan pula penegasan perayu bahawa terdapat merit dalam tuntutan balasnya tidak dipertikaikan. (ms 61 d, & 62 a-c)

[3] Kelewatan 21 bulan dalam pemfailan tidak menjejaskan merit permohonan kerana terdapat penjelasan yang mencukupi dan munasabah. Kelewatan juga tidak disengajakan kerana perayu mengharapkan kepada peguam terdahulunya untuk memfailkan rekod rayuan dalam masa. Walaupun merit tuntutan balas tidak relevan bagi mempertimbang permohonan, namun perayu telah menyentuh dengan panjang lebar dalam afidavit sokongannya tentang fakta kes, dan segala penyataan-penyataan dalam afidavit tersebut tidak dicabar oleh responden. Lagipun, sejak perintah penggantungan responden tidak langsung mengambil sebarang tindakan untuk meneruskan dengan guaman tersebut. Permohonan di sini tidak sedikitpun memprejudis responden dan imbangan kemudahan adalah berpihak kepada membenarkan permohonan. (ms 62 g-h & 63 a-c)

[Permohonan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Alloy Automotive Sdn Bhd v. Enkei Automotive Co Ltd & Anor [1997] 2 CLJ 392 CA ***(dibezakan)***

Hock Seng Construction Sdn Bhd & Anor v. Yong Kon Fatt & Anor [2001] 3 CLJ 561 CA ***(dirujuk)***

Yeo Yoo Teck v. Jemaah Pengadilan Sewa, Pulau Pinang & Anor [1996] 2 CLJ 68 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 34 r. 7
Rules of the Court of Appeal 1994, r. 93

Bagi pihak perayu - Imran Devendran Abdullah; T/n Imran, Shahareen & Co
Bagi pihak responden - N Rajindran; T/n GH Tee & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Nik Hashim HMR:

Melalui notis usul lampiran 8a, pihak perayu pertama memohon diberi kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan diluar masa dalam masa 14 hari dari tarikh perintah di bawah k. 93 Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994. Di akhir hujahan kedua belah pihak dihadapan Mahkamah Rayuan pada 8 Disember 2003, kami telah membenarkan permohonan seperti di pohon dengan kos di tanggung oleh perayu pertama.

Fakta kes menunjukkan bahawa melalui writ saman No. D7-22-2347-2000 pihak responden telah memfailkan satu tindakan terhadap perayu-perayu pada 14 Disember 2000. Satu pembelaan serta tuntutan balas bagi satu jumlah sebanyak RM9,000,000 telah difailkan oleh peguamcara perayu-perayu Tetuan Rajadevan Associates (peguam tersebut) pada 8 Mac 2001. Satu jawapan kepada pembelaan dan pembelaan kepada tuntutan balas bertarikh 13 April 2001 telah difailkan oleh responden dalam guaman tersebut.

Pada 24 Julai 2003, semasa di Johor perayu pertama telah dapat tahu daripada seorang bernama Tham, pemilik saham dalam responden, bahawa tuntutan balasnya telah dibatalkan oleh Mahkamah Tinggi pada 7 Disember 2001 atas alasan perayu-perayu telah gagal mematuhi arahan-arahan Mahkamah Tinggi dalam pengurusan kes guaman tersebut. Adalah diperhatikan daripada rekod bahawa peguam tersebut telah memfailkan notis rayuan pada

2 Januari 2002 terhadap keputusan itu. Sementara itu peguam tersebut telah juga memfailkan saman dalam kamar untuk menggantungkan prosiding guaman tersebut, yang mana penggantungannya telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 22 Ogos 2002.

Pada 28 Julai 2003 iaitu, empat hari selepas perayu-perayu mengetahui tuntutan balas mereka telah dibatalkan, peguam tersebut telah menarik diri daripada mewakili perayu-perayu.

Justeru pada 28 Ogos 2003 peguamcara baru Tetuan Imran, Shahareen & Co telah dilantik untuk mewakili perayu-perayu. Menyedari bahawa perayu telah tidak memfailkan rekod rayuan, maka pada 10 Oktober 2003 peguamcara baru telah memfailkan notis usul ini untuk kebenaran memfailkan rekod rayuan di luar masa.

Peguamcara bagi pihak responden membantah terhadap permohonan ini dengan mengatakan terdapat kelewatan selama 21 bulan sebelum notis usul ini difailkan dan dengan itu permohonan ini tidak patut diberi pertimbangan dan memetik kes *Alloy Automotive Sdn Bhd v. Enkei Automotive Co Ltd & Anor* [1997] 2 CLJ 392 bagi menyokongnya. Lagipun, kata beliau, merit adalah tidak relevan bagi mempertimbangkan permohonan ini.

Yang Arif Shaik Daud Md Ismail, HMR dalam *Hock Seng Construction Sdn Bhd & Anor v. Yong Kon Fatt & Anor* [2001] 3 CLJ 561 di ms 563 dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah berkata:

> It is trite that the courts have discretion to extend time to file documents. It is our view that a delay in filing *per se* is not fatal but a delay with complete lack of explanation as to why there was a delay is fatal.

Yang Arif Siti Norma Yaacob, HMR (beliau ketika itu) dalam kes *Yeo Yoo Teck v. Jemaah Pengadilan Sewa, Pulau Pinang & Anor* [1996] 2 CLJ 628 di ms 630, dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan memutuskan:

> The granting or dismissal of an application for extension of time is very much a discretionary matter ...

Seterusnya Yang Arif Hakim mengingatkan pemohon atas mustahaknya untuk menyentuhkan tentang sedikit fakta atau undang-undang dalam afidavit sokongan permohonan untuk menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat suatu kes yang dapat dibicarakan, dengan berkata:

> It would have assisted us if counsel had at least alluded to some facts or law in his affidavit so as to show at least an arguable case.

Kami dapati memang benar pihak perayu telah lewat 21 bulan tidak memfailkan rekod rayuan akan tetapi kelewatan itu tidak pula berlaku tanpa alasan. Sebenarnya kelewatan itu telah disebabkan oleh peguam tersebut dan bukannya oleh perayu-perayu sendiri. Dalam pertemuan antara Gee Siew Yee bagi pihak perayu pertama dengan peguam tersebut pada 17 Februari 2001, peguam tersebut telah memberitahu Gee Siew Yee tentang perkembangan guaman tersebut dan memberi jaminan bahawa semuanya adalah teratur dan tiada apa yang perlu dibimbangkan (sila lihat afidavit sokongan Gee Siew Yee di perenggan 8). Perayu-perayu tidak mengetahui pembatalan terhadap tuntutan balas mereka pada 7 Disember 2001 sehinggalah dia diberitahu oleh Tham pada 24 Julai 2003 (sila lihat afidavit sokongan Gee Siew Yee di perenggan 9). Walaupun notis rayuan telah difailkan pada 2 Januari 2002 terhadap pembatalan itu, peguam tersebut telah gagal memfailkan rekod rayuan dalam masa selepas itu. Dalam keadaan kes ini, perayu-perayu tidak boleh dipersalahkan atas kecuaian peguam tersebut untuk memfailkan rekod rayuan dalam masa yang dikehendaki.

Kes *Alloy Automotive* yang dikemukakan oleh responden dapat dibezakan dengan kes sekarang. Dalam kes itu pihak responden telah memulakan suatu tindakan untuk mendapatkan satu deklarasi berhubung suatu tanda niaga terhadap perayu. Dalam ketidakhadiran perayu atau peguamnya, hakim telah membenarkan permohonan responden seperti yang dipohonkan. Perayu membuat permohonan menuntut, antara lain, untuk membatalkan perintah itu, yang mana telah ditolak oleh hakim. Perayu membuat rayuan.

Dalam rayuan terhadap perintah Mahkamah Tinggi, perayu telah tidak memfailkan memorandum dan rekod rayuan – sebab untuk tidak berbuat demikian dikatakan adalah kerana kesilapan peguamcara perayu sebelum ini. Perayu memohon untuk perlanjutan masa untuk memfailkan dan menyampaikan memorandum dan rekod rayuan.

Yang Arif Abu Mansor HMR (beliau ketika itu) dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

> From the facts of the case, it was clear that the appellant's solicitors had blatantly disregarded court procedure in failing to file the memorandum and record of appeal within the required time. The appellant was also partially to blame for the delay. The appellant should have been more vigilant as to the state of its pending matter and should have checked on its solicitors' actions.

> Furthermore, the appellant's claim was, on its merits, heard and dismissed by two High Court judges. There was no merit in the application of the appellant and in the exercise of the court's discretion, the balance of convenience lie in favour of refusing the appellant's application.

Jelas dalam kes tersebut terdapat dua hakim Mahkamah Tinggi telah mendengar tuntutan perayu atas meritnya dan telah ditolak. Dalam kes sekarang, tuntutan balas perayu-perayu telah dibatalkan oleh hakim Mahkamah Tinggi di bawah A. 34 k. 7 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) tanpa perbicaraan atas meritnya. Peruntukan A. 34 k. 7 KMT merupakan suatu peruntukan baru berkuatkuasa *vide* PU (A) 342/2000 mulai 22 September 2000 dan oleh itu, ia patut diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh mahkamah ini dalam menimbangkan permohonan ini. Tambahan pula, penegasan perayu bahawa terdapat merit dalam tuntutan balasnya sebagaimana dinyatakan dalam afidavit sokongan Gee Siew Yee di perenggan 22(a) hingga (y) tidak pula di pertikaikan. Tidak ada afidavit bantahan difailkan oleh responden dalam permohonan ini. Jadi, kes *Alloy Automotive* tidak terpakai dan memihak kepada responden.

Kami bersetuju dengan pernyataan perayu pertama di perenggan-perenggan 24, 25 dan 26 afidavit sokongan Gee Siew Yee yang mengatakan:

> 24. Saya menegaskan disini bahawa sekiranya kebenaran yang dipohon tidak diberikan, maka ianya akan melibatkan pemfailan satu tindakan yang baru untuk tuntutan perayu pertama disini berikutan dengan mana responden akan memfailkan satu pembelaan semula dan tindakan baru tersebut akan perlu digabungkan dengan guaman tersebut.
>
> 25. Disebaliknya, sekiranya satu perintah seperti di pohon disini dibenarkan, maka hanya prosiding-prosiding di bawah Guaman tersebut yang perlu diteruskan.
>
> 26. Saya juga dinasihatkan oleh peguamcara perayu pertama bahawa tiada sebarang prejudis yang akan diakibatkan kepada responden sekiranya satu perintah sepertimana yang dipohon disini diberikan kerana sejak Perintah Penggantungan tersebut, responden tidak mengambil sebarang tindakan untuk meneruskan dengan guaman tersebut walaupun rekod rayuan belum difailkan dan diserahkan lagi.

Menguna pakai prinsip-prinsip dalam kes-kes yang dirujuk di atas kepada kes sekarang dan melihat kepada permohonan ini pada keseluruhannya, kami berpendapat bahawa kelewatan 21 bulan dalam pemfailan tidak menjejaskan merit permohonan ini, kerana kami dapati penjelasan kelewatan itu mencukupi

dan munasabah serta tidak disengajakan yang mana perayu-perayu telah mengharapkan kepada peguam tersebut untuk memfailkan rekod rayuan dalam masa. Walaupun merit tuntutan balas tidak relevan bagi mempertimbangkan permohonan ini namun begitu, perayu pertama telah menyentuh dengan panjang lebar dalam afidavit sokongannya tentang fakta kes pada keseluruhannya, dan segala penyataan-penyataan dalam afidavit tersebut tidak pula dicabar oleh responden. Lagipun, sejak perintah penggantungan, pihak responden tidak langsung mengambil sebarang tindakan untuk meneruskan dengan guaman tersebut. Pada pandangan kami, permohonan ini tidak akan menyebabkan sebarang prejudis kepada responden. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan budi bicara mahkamah, kami dapati imbangan kemudahan adalah berpihak kepada membenarkan permohonan perayu pertama seperti dipohon.